



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PROGRAM HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA (PHEKS) TAHUN 2025 PERINGKAT ZON SARAWAK

1. Iltizam Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) adalah sentiasa berdiri teguh bersama pekerja, memastikan suara mereka didengar dan hak mereka dipertahankan. Justeru, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM10 juta** bagi pelaksanaan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) tahun 2025 berbanding tahun 2024 iaitu RM5.8 juta dan merupakan **paling tinggi** dalam sejarah. Sebanyak RM7.15 juta diagihkan kepada kesatuan sekerja mengikut kluster yang diluluskan dan sebanyak RM2.85 juta untuk peruntukan Program *Outreach* dan Program Khidmat Masyarakat (CSR).
2. PHEKS merupakan salah satu bantuan yang diberikan kepada kesatuan sekerja dan dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) di bawah KESUMA. Peruntukan ini diberikan kepada kesatuan sekerja di Malaysia bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan kesatuan sekerja. Objektif utama pelaksanaan PHEKS Tahun 2025 ini adalah untuk menyokong dan memantapkan pergerakan kesatuan sekerja melalui bantuan kewangan. Selain itu juga, ia diharapkan dapat mewujudkan platform pendidikan untuk meningkatkan tahap kemahiran kepimpinan anggota kesatuan sekerja melalui pembelajaran secara berterusan. Ini bagi mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang matang dan progresif di Malaysia setara dengan kesatuan sekerja di peringkat antarabangsa dengan menerapkan konsep Malaysia Madani.
3. Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang dibayar secara *one-off* kepada kesatuan sekerja yang berdaftar di Malaysia. Sebanyak empat (4) kluster telah ditawarkan kepada kesatuan sekerja Peringkat Zon Sarawak pada tahun ini iaitu Latihan dan Program Pendidikan, Kajian Pergerakan Kesatuan Sekerja, Penulisan Ilmiah Berkenaan Isu-Isu Perburuhan Berkaitan Kesatuan Sekerja dan Pembelian Perkakasan Komputer.

4. PHEKS 2025 telah menerima sejumlah 1,049 permohonan daripada pelbagai kesatuan sekerja di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 551 permohonan bernilai RM7.15 juta telah diluluskan. Sejumlah 31 permohonan bernilai RM479,089.00 yang diluluskan adalah untuk PHEKS 2025 Peringkat Zon Sarawak.
5. Majlis Penyerahan PHEKS 2025 Peringkat Sarawak telah diadakan di Imperial Hotel Kuching, Sarawak dan majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Abdul Rahman Bin Haji Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
15 MEI 2025